

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA
PERHIMPUNAN KORPORAT
2 OKTOBER 2013 (RABU)
JAM 8.30 PAGI
DI HADAPAN PINTU MASUK
LOBI BANGUNAN IBU PEJABAT MPSP**

Terima kasih, Saudara Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis -Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Pertamanya, syukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapatlah kita berkumpul pada hari ini bagi Perhimpunan Korporat untuk kali ketiga pada tahun ini dan merupakan yang kedua bagi Ahli-Ahli Majlis yang baru.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pertama sekali, saya ingin memperkenalkan Puan Rismawati binti Ahmad yang menggantikan tempat En Valzahmer sebagai Pengarah COB yang baru.

Sudah 9 bulan kita melalui tahun 2013, kita mesti menilai apa yang dirancangkan pada awal tahun yang lalu dicapai ataupun tidak.

Kita perlu membuat penilaian sejauh mana kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada *stakeholders* kita di luar sana. Ini bagi memastikan pelanggan sentiasa berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Setiap daripada kita perlulah menilai, apakah sumbangan kita terhadap diri, kepada MPSP dan kepada warga Seberang Perai tertunai atau tidak, terlaksana atau sebaliknya. Disamping itu, setiap pegawai perlu mengetahui segala yang berkaitan dengan bidang atau jabatan masing-masing. Jangan berlaku keadaan dimana bila *stakeholders* menanyakan tentang garis panduan jabatan kita, kita kata: "oh, mungkin yang ini kot". Pegawai-pegawai hendaklah memastikan jawapan yang diberikan untuk setiap soalan adalah tepat dan benar. Tiada istilah *tidak pasti* dalam menjawab pertanyaan *stakeholders*. Setiap pegawai mestilah menjawab segala pertanyaan dengan penuh berhemah dan memastikan pelanggan berpuas hati dengan jawapan dan layanan yang diberikan.

Terdapat banyak program-program telah dianjurkan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Saya menyeru agar semua kakitangan MPSP agar mengambil peluang melibatkan diri dalam program-program yang dianjurkan. Penglibatan aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dapat memberikan hasil yang positif kepada warga MPSP. Aktiviti seperti senamrobik misalnya dapat menjadikan peserta cergas dan sihat tubuh badan. Disamping itu aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara warga MPSP dan *stakeholders* di luar.

Hadirin sekalian,

Pada tahun 2013 kenaikan gaji sebanyak 13 peratus untuk kakitangan MPSP. Kakitangan MPSP juga telah mendapat setengah bulan bonus sebelum menyambut Hari Raya Aidilfitri dan MPSP telah berjaya membayar gaji kakitangan tepat pada tarikh yang ditentukan. Hal ini amat kontra berbanding beberapa tahun lepas di mana MPSP mempunyai masalah untuk membayar gaji kakitangan disebabkan masalah kewangan dan strategi pengurusan yang tidak efisien.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada tahun 2014, MPSP akan menghadapi cabaran yang lebih besar dimana pada tahun hadapan MPSP akan melaksanakan pembersihan di seluruh Seberang Perai. Bagi menghadapi cabaran ini MPSP telah mengambil tambahan pekerja pembersihan sebanyak 1,000 orang untuk tahun ini dan tambahan seramai 1,000 pada tahun 2014. Setakat ini, jumlah staff di jabatan pembandaran adalah seramai 1,600 dan akan jumlah ini meningkat kepada 2,469 selepas penambahan pekerja pembersihan. Menurut pembentangan Bajet 2014 MPSP, sebanyak RM 74.1 juta akan dibelanjakan untuk pembersihan di seluruh Seberang Perai dan pada tahun 2014, kita akan menerima 78 unit compactor, 17 open chair, 28 lori keeper, 21 roro, 5 unit traktor, 6 unit kren, 3 unit road sweeper dan 3 unit water jet. Saya harap, semua peralatan ini akan digunakan dengan sebaiknya untuk mencapai sasaran yang telah kita tetapkan.

Selain itu untuk bajet 2014, MPSP telah memperuntukkan RM 300,000 pembelian alat lindung diri secara berperingkat. Kita akan memastikan keselamatan kakitangan sentiasa menjadi prioriti. Disamping itu MPSP

memperuntukkan sebanyak RM 1.4 juta untuk klinik panel bagi kemudahan kakitangan dan tambahan RM 1 juta untuk tujuan perubatan.

Dalam cadangan Bajet 2014 MPSP, jumlah perbelanjaan kita adalah sebanyak RM 233,497,100 berbanding dengan jangkaan pendapatan yang akan diperolehi adalah sebanyak RM 206,088.485. Defisit sebanyak RM 27,408,615.00. Oleh itu, dengan sumber kewangan yang terhad, kita semua perlu bersungguh-sungguh mengukuh dan memantapkan pengurusan sumber yang sedia ada untuk menampung perbelanjaan yang semakin meningkat. Ini adalah termasuk mencari hasil-hasil yang baru untuk Majlis.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk makluman semua, dari Januari 2013 sehingga kini, sebanyak 23 kes tatatertib telah diterima. Jenis-jenis pelanggaran tata kelakuan adalah lewat ke pejabat, ketidakhadiran bertugas, penyalahgunaan dadah, pekerjaan luar, meniru tandatangan, gagal mematuhi arahan dan pemalsuan sijil cuti sakit. Daripada jumlah 23 kes yang dilaporkan, 1 kes dilaporkan di kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan masing-masing 11 kes dilaporkan di kumpulan Pelaksana 2 dan kumpulan Pelaksana 1. Hukuman yang dikenakan adalah amaran, lucut hak emolument, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat, buang kerja, dan warta (buang kerja). Sebanyak 4 kes telah dihukum buang kerja , dan 16 kes di hukum tangguh pergerakan gaji.

Dan sejak kebelakangan ini, terdapat kecederungan staff MPSP yang mengemukakan sijil cuti sakit palsu atau memindahkan sijil cuti sakit. Perkara ini adalah amat serius. Bagi membendung isu ini, semua Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pengesahan sijil cuti sakit yang dikemukakan oleh staff daripada hospital atau klinik yang berkenaan sekiranya terdapat keraguan. Disamping itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga telah mengarahkan supaya tindakan pantas dan tegas diambil ke atas staff yang didapati

mengemukakan sijil cuti sakit palsu atau meminda sijil cuti sakit, tindakan berikut hendaklah diambil:

- melucutkan hak emolumen pegawai pada hari pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti;
- membuat Laporan polis sekiranya Sijil Cuti Sakit berkenaan diperolehi daripada sindiket menjual Sijil Cuti Sakit; dan
- mengambil tindakan tatatertib sehingga hukuman buang kerja ke atas pegawai kerana berkelakuan tidak jujur atau tidak amanah serta tidak bertanggungjawab iaitu melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4.(2)(f) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan dan Tatatertib) 1995.

Oleh itu, pada hari ini saya inigin menasihati semua staff tidak kira kumpulan jawatan perkhidmatan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional ataupun kumpulan sokongan supaya bekerja bersungguh-sungguh dan jangan melakukan perkara yang tidak dibenarkan di Majlis kerana Jawatankuasa Tatatertib tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas keatas kesalahan yang dilakukan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Berkenaan dengan Aduan yang diterima daripada pelbagai saluran, ketua-ketua jabatan perlu mengambil tindakan segera keatas aduan yang dilaporkan.

Pada 5 Julai yang lalu, NIOSH telah mengumumkan MPSP berjaya mendapat pensijilan OHSAS 18001:2007 dan kelmarin (1 Oktober), sijil tersebut telah disampaikan oleh Tan Sri Lee Lam Thye (Pengerusi NIOSH). Ini semua merupakan hasil kerja berpasukan dan usaha bertungkus-lumus yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan. Kita mendapat Pensijilan OHSAS untuk landskap, iaitu pemangkasan dan pembajaan pokok serta untuk pembersihan

bandar. Pihak MPSP telah mendapat banyak email tahniah dari pihak berkuasa tempatan (PBT). Tahniah diucapkan.

Akhir kata, dalam usaha MPSP ke arah antarabangsa, semua staff mesti meningkatkan ilmu. Dan MPSP juga sedang menyediakan *Coffee Table Book* yang dapat mempromosikan Seberang Perai. Di samping itu, saya berharap semua Ketua Jabatan boleh meneliti semula Pelan Tindakan 5 tahun sebelum dibentangkan kepada semua Ahli Majlis pada 28 Oktober 2013.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaim wbth.

Sekian, terima kasih.